

25 NOV 1997

ASEAN CAPAI KATA SEPAKAT MENGENAI USAHA ATASI MASALAH MATA WANG

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

VANCOUVER, 25 Nov (Bernama) -- Ketua-ketua negara Asean telah bersetuju Isnin memberikan sokongan politik bagi meminta Mesyuarat Ketua-ketua Negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) kelima di sini untuk memulakan langkah-langkah bagi mengatasi masalah mata wang, termasuk merumuskan peraturan mengenai dagangan mata wang.

Pada satu perjumpaan tidak rasmi, ketua-ketua enam negara Asean yang menghadiri sidang kemuncak Apec telah bersetuju bahawa kesan-kesan masalah mata wang tidak terbatas kepada rantau Asean semata-mata tetapi juga menjejaskan rantau-rantau lain.

Oleh itu, Asean mahu Apec mengenal pasti langkah-langkah bersama bagi menangani masalah itu.

Perjumpaan ketua-ketua negara Asean telah diadakan sebagai persediaan bagi mesyuarat ketua-ketua negara Apec semasa istirahat mereka di University of British Columbia di sini Selasa.

Pemimpin-pemimpin Asean itu terdiri daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai, Presiden Suharto Indonesia, Sultan Hassanah Bolkuiah Brunei, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Presiden Fidel Ramos dari Filipina. Tiga anggota Asean lain -- Vietnam, Myanmar dan Laos -- bukan anggota Apec.)

Mereka melantik Ramos sebagai jurucakap untuk Asean mengenai isu mata wang semasa mesyuarat ketua-ketua negara Apec.

Awal Isnin, para pemimpin itu mengadakan mesyuarat pada sarapan pagi dengan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton.

Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas perjumpaan tidak rasmi pemimpin-pemimpin Asean dan perjumpaan dengan Clinton menumpukan kepada isu mata wang.

"Kami membincangkan masalah mata wang dan juga alam sekitar, dengan isu alam sekitar akan dibincangkan di Kyoto, Jepun," beliau berkata apabila ditanya mengenai isu-isu yang ditimbulkan pada kedua-dua perjumpaan itu.

Mesyuarat di Kyoto minggu depan adalah mengenai perubahan iklim yang dianjurkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Di dalam taklimat kepada pemberita selepas perjumpaan para pemimpin Asean, Setiausaha Perdagangan dan Industri Filipina Cesar B. Bautista berkata perjumpaan itu juga bersetuju untuk melaksanakan skim bantuan yang diterima di Manila minggu lalu bagi ekonomi-ekonomi Asia yang terjejas.

Empat belas daripada 18 ekonomi Apec diwakili pada mesyuarat timbalan-timbalan menteri kewangan dan gabenor-gabenor bank pusat di Manila.

Antara lain, mesyuarat itu telah bersetuju menubuhkan satu tabung untuk menyokong bantuan yang ditawarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kepada negara-negara yang ekonominya telah terjejas oleh ketidak stabilan mata wang.

Mengenai peraturan bagi dagangan mata wang pula, Bautista berkata ia tidak boleh dirumuskan selepas satu mesyuarat semata-mata tetapi satu siri mesyuarat perlu diadakan. "Dalam beberapa minggu akan datang, beberapa mesyuarat telah dijadualkan untuk membincangkan masalah mata wang itu."

Antaranya ialah mesyuarat menteri-menteri kewangan Asean di Kuala Lumpur minggu depan dan Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Asean tidak rasmi pada pertengahan Disember, yang akan diadakan juga di ibu negara Malaysia itu.

Sementara itu, Dr Mahathir, yang diiringi oleh rakan sejawatnya dari Kanada Jean Chretien, Isnin melawat Pusat Perhubungan Belia di mana mereka

menerima laporan yang disediakan oleh satu pasukan belia mengenai aktiviti Tahun Asia Pasifik 1997 Kanada.

Laporan it mengandungi perakuan-perakuan yang disediakan oleh beratus-ratus belia yang menghadiri satu komponen belia mesyuarat Peringkat Menteri dan Kumpulan-kumpulan Kerja Apec yang diadakan di Kanada tahun ini.

Kemudian, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dua hala dengan Chretien diikuti oleh satu perjumpaan dengan Koo Chen-fu, seorang anggota Majlis bagi Perancangan Ekonomi dan Pembangunan Taiwan, yang mewakili presiden Taiwan pada sidang kemuncak Apec. -- BERNAMA

MFJ OS